

20/10/2002

Pakistan sokong sidang khas OIC

Mior Kamarul Shahid

ISLAMABAD: Pakistan menyokong cadangan Malaysia memanggil satu mesyuarat khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk membincangkan perkembangan terbaru dalam dunia Islam terutama di Timur Tengah.

Perkara itu dibincangkan pada pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf di sini, malam semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Musharraf memberi sokongan padu terhadap cadangan itu bagi membolehkan negara-negara Islam lebih jelas dengan setiap perkembangan yang berlaku di dunia Islam.

Pada masa ini, isu Timur Tengah sama ada membabitkan soal Palestin, Iraq dan keganasan Islam dibincangkan oleh banyak pihak tanpa fokus.

Menerusi mesyuarat khas itu, katanya dunia akan lebih memahami keadaan yang berlaku di negara-negara Islam.

Syed Hamid berkata beliau sudah pun menulis surat kepada beberapa pemimpin OIC mengenai cadangan itu. Mesyuarat khas itu juga akan dapat meningkatkan kerjasama sesama negara anggota.

Mengulas rundingan antara kedua-dua pemimpin itu, Syed Hamid berkata Presiden Pakistan itu gembira dengan lawatan Dr Mahathir kerana ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri setelah Musharraf mengambil alih tampuk pemerintahan di Pakistan.

Dr Mahathir pernah melawat Pakistan pada 1993 dan 1997 ketika pemerintahan sebelum ini. Musharraf melawat Malaysia pada Mac 2000 lalu.

Kedua-dua pemimpin itu membincangkan soal pembangunan ekonomi dan pelaburan yang membabitkan kepentingan dua negara Islam itu.

Selain soal hubungan dua hala, Dr Mahathir dan Musharraf bertukar pandangan mengenai perkembangan di Iraq dan apa yang perlu dilakukan bila berlaku perang yang dikemukakan oleh Amerika dan Britain.

Malaysia berpendapat masalah di Iraq boleh diselesaikan jika semua pihak menghormati undang-undang antarabangsa.

Mereka juga berbincang mengenai konflik Palestin dan Israel. Ini kerana isu itu tidak lagi diberi tumpuan kerana sudah beralih kepada perkara lain.

Dalam bidang ekonomi, kedua-dua pemimpin berazam mahu memesatkan lagi kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Dalam hal ini, kedua-dua negara perlu mengenal pasti bidang kerjasama perdagangan bagi membetulkan ketidakseimbangan perdagangan yang begitu ketara antara Pakistan dan Malaysia. Pada masa ini, eksport Malaysia ke Pakistan membabitkan RM450 juta setahun sedangkan Pakistan hanya mengeksport barangan kira-kira RM50 juta setahun ke Malaysia.

Mereka juga menyentuh peluang projek di Malaysia yang boleh diberikan kepada Pakistan.

Malaysia mengkaji kemungkinan mengimport susu dari Pakistan.

Kedua-dua pemimpin juga memutuskan supaya mesyuarat suruhanjaya bersama Malaysia-Pakistan diadakan secepat mungkin. Yang terakhir diadakan dua tahun lalu di Pakistan. Mesyuarat akan datang dijadualkan diadakan di Malaysia tahun depan.

Dr Mahathir meminta supaya Pakistan menghantar rombongan ke Malaysia untuk mempelajari undang-undang pelaburan negara serta mengambil iktibar pengalaman Malaysia dan menyesuaikan dengan keadaan Pakistan.

Kedua-dua negara juga mahu menjalin hubungan dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan mengambil pekerja Pakistan dalam bidang tertentu

terutamanya tenaga pakar termasuk bioteknologi.

Musharraf yang sedih dengan cadangan peletakan jawatan Perdana Menteri, berharap Dr Mahathir sentiasa memberi perkhidmatan untuk membangunkan ummah.

Malaysia juga menyokong cadangan penyertaan Pakistan sebagai rakan dialog Asean.